

# Kaji lokasi berisiko elak insiden pokok tumbang berulang

Prasarana perlu bincang dengan DBKL laksana penyelenggaraan di sepanjang laluan rel

**Putrajaya:** Kementerian Pengangkutan (MoT) mengarahkan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) menjalankan kajian mendalam berhubung kawasan berisiko mengalami insiden pokok tumbang di sepanjang laluan rel kendalian syarikat itu.



Keratan akhbar BH, kelmarin.

Menterinya, Anthony Loke, berkata Prasarana juga perlu mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan untuk mengenal pasti lokasi-lokasi terbabit.

“Kerja penyelenggaraan ini sebenarnya terletak bawah bidang kuasa PBT dan terdapat juga kawasan persendirian, justeru kita tidak boleh sesuka hati masuk ke

kawasan terbabit.

“Namun sebagai operator, kita perlu lebih proaktif dan saya meminta Prasarana membuat satu siasatan (kajian) lebih terperinci dengan melihat kawasan-kawasan berisiko ini, seterusnya berbincang dengan DBKL atau PBT berkaitan mengenai perkara itu, terutama di sepanjang jajaran membabitkan laluan Monorel serta Transit Aliran Ringan (LRT),” katanya selepas Majlis Erat Kasih MADANI dan Perhimpunan Bulanan MoT, di sini, semalam.

## Lipat ganda tumpuan

Mengulas lanjut, Loke berkata, Monorel dan LRT adalah sistem pengangkutan yang lebih berisiko terdedah kepada insiden tidak diingini seperti pokok tumbang dan sebagainya, berikutan



Loke menyampaikan sumbangan kepada Pengetua Rumah Anak Yatim At Taqwa, Amran Khalid pada Majlis Erat Kasih Madani dan Perhimpunan Bulanan Kementerian Pengangkutan di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

landasannya berada di tengah pusat bandar.

“Ia kerana kita punya sistem rel ini kebanyakannya rel bertingkat (*above ground*), kalau di bawah tanah, itu tiada risiko begini, namun Monorel ini landasannya di tengah-tengah bandar raya.

“Memang penyelenggaraan pokok itu antara agenda utama, sebelum ini pun memang ada pe-

nyelenggaraan berkala tetapi dengan berlakunya kejadian seperti ini, kita perlu melipatgandakan tumpuan,” katanya.

Selasa lalu, seorang lelaki maut dan dua lagi cedera apabila sebatang pokok tumbang ketika hujan lebat dan angin kuat lalu menghempap 17 kenderaan serta landasan Monorel di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.